

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS DAERAH JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

No Sebut Harga	Keterangan	Gred/Katogeri/ Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MDJL IF/01/2017	Cadangan Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Di Taman Teratai Fasa 1 Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK	Gred G2 (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kejuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> CE01- Pembinaan Jalan Dan Pavement	RM 50.00	13/10/2017 (Jumaat)
MDJL IF/02/2017	Cadangan Membaiki Dan Menurap Semula Jalan di Jalan Masuk, Jalan Utama, Jalan Maju 2 dan Jalan 1-4 Taman Margosa Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK	Gred G2 (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kejuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> CE01- Pembinaan Jalan Dan Pavement	RM 50.00	13/10/2017 (Jumaat)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi daripada Bahagian Jabatan Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol mulai dari **09hb. Oktober 2017 (Isnin)**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata. Sebarang penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6%.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draft hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Daerah Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan tapak akan diadakan pada **06hb. Oktober 2017 (Jumaat)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Daerah Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran. Pendaftaran di tapak tidak dibenarkan.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **13hb. Oktober 2017 (Jumaat)**. Sila lampirkan salinan Sijil Pendaftaran GST bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi bagi yang memiliki sijil tersebut


Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan di keluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat- surat pendaftaran "asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebutharga.

Majlis Daerah Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagai nya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol sahaja.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil "asal" PPK dan CIDB semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
5. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera **Gred G2** yang **berdaftar dengan Majlis Daerah Jempol pada tahun 2017** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga tersebut.

Tarikh Pengiklanan
September 2017


.....
(ROSTAM BIN OMAR)
Jurutera
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Jempol.